

31/05/1999

Pembangking mahu jumpa Norian

MELAKA, Ahad - Gabungan beberapa parti pembangkang meminta Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, mengadakan pertemuan segera dengan mereka bagi membincangkan ketelusan pihak polis terhadap pembangkang.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata beliau baru-baru ini sudah menghantar surat kepada Norian bagi pihak parti pembangkang dan berharap surat itu akan dibalas secepat mungkin.

Katanya, sejak kebelakangan ini, polis kerap tidak berlaku kepada parti pembangkang kerana menarik balik permit ceramah pada saat-saat terakhir, menyebabkan mereka berasa tidak puas hati.

Kit Siang mendakwa, kejadian di Temerloh, Pahang baru-baru ini jelas menggambarkan polis sengaja membatalkan permit ceramah yang dianjurkan oleh Parti Keadilan Nasional (KeADILan).

"Tindakan ini tidak sepatutnya berlaku jika polis telus dalam perkhidmatan mereka dan tidak menyebelahi mana-mana pihak," katanya selepas majlis penerangan DAP, di sini, hari ini.

Menurut Lim, pada tahun lalu, pembangkang mengadakan pertemuan dengan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Nor, bagi membincangkan perkara sama.

Beliau berkata, sejak kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dipukul dilaporkan oleh media, imej polis terjejas dan adalah menjadi kewajipan Norian untuk memulihkan semula imej itu dengan berlaku adil kepada semua pihak.

Katanya, parti pembangkang tidak sepatutnya disekat mengadakan ceramah, bukan saja sebelum pilihanraya malah sepanjang pilihanraya diadakan.

Selain itu, Kit Siang berkata, percubaan pembangkang menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang tidak berjaya jika mereka sendiri gagal mewujudkan barisan pembangkang yang kuat.

"Pembangkang bukan saja gagal menumbangkan BN malah gagal mengurangkan majoriti dua pertiga BN," katanya.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa beliau tidak mempunyai kuasa membebaskan Anwar, Kit Siang berkata, Dr Mahathir boleh menggunakan budi bicaranya dalam Lembaga Pengampunan.

Beliau menegaskan, oleh kerana Perdana Menteri menjadi Ketua Lembaga Pengampunan, Dr Mahathir sepatutnya boleh menggunakan kedudukan itu untuk mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya Anwar dibebaskan.

"Biasanya, cadangan yang dibuat pihak yang lebih tinggi, khususnya Perdana Menteri, sudah tentu diperkenankan Yang di-Pertuan Agong," katanya.

(END)